

**NO. SOALAN: 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[DUNGUN]**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : 8379**

**SOALAN:**

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah pertimbangan untuk membawa masuk 1.5 juta tenaga kerja dari Bangladesh seperti yang diumumkan oleh Menteri Dalam Negeri.**

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Ketika ini kemasukan pekerja Bangladesh dilaksanakan melalui mekanisme "Kerajaan dengan Kerajaan" atau G2G dan hanya terhad kepada sektor perladangan kelapa sawit sahaja. Sehubungan ini, Kerajaan sedang memperincikan mekanisme baru untuk memperkasakan mekanisme sedia ada.**

**Cadangan berhubung kemasukan 1.5 juta pekerja dari Bangladesh dibuat setelah mengambilkira perkembangan ekonomi negara dan keperluan industri bagi mengisi jawatan-jawatan yang tidak digemari oleh rakyat tempatan. Bagaimanapun, Kerajaan juga sangat berhati-hati dalam perkara ini agar peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan tidak terjejas dan sentiasa dilindungi. Penetapan ini bukan sahaja dikenakan kepada negara Bangladesh tetapi juga kepada semua negara sumber yang dibenarkan.**

**Justeru itu, perluasan mekanisme ini kepada sektor lain kelak hanya sebagai tambahan pilihan negara sumber kepada majikan yang memerlukan pekerja asing. Sebagaimana negara sumber yang lain, mekanisme tersebut juga akan dipantau dan dikawalselia oleh Kerajaan melalui Agensi Kawal Selia di setiap sektor bagi mengelakkan berlakunya kebanjiran pekerja asing dalam negara.**

**Oleh itu, jumlah sebenar kemasukan pekerja Bangladesh akan bergantung kepada keperluan sebenar majikan semasa permohonan dibuat dan akan dinilai berdasarkan kelayakan serta**

**kemampuan setiap majikan termasuk mematuhi peraturan yang Kerajaan tetapkan seperti memberi keutamaan pekerjaan kepada rakyat tempatan terlebih dahulu.**

**Sehubungan itu, secara prinsipnya kemasukan buruh asing ke negara ini tidak akan menjaskan dan menggugat peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan serta keseimbangan pasaran buruh dalam negara kerana pekerja asing ini hanya dibenarkan bekerja di lima (5) sektor formal yang dibenarkan untuk menggaji pekerja asing sahaja iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perladangan, pertanian dan perkhidmatan.**